

UITM HARI INI DALAM SEJARAH

14 DISEMBER 1993

PELANCARAN PIAGAM PELANGGAN INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM)

Pada 14 Disember 1993, Institut Teknologi MARA (ITM) telah melancarkan Piagam Pelanggannya yang menjanjikan layanan bertanggungjawab, ikhlas, mesra, segera dan tepat kepada pelajar, kakitangan, ibu bapa dan industri. Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid melancarkan piagam tersebut sempena kemuncak Minggu Kualiti ITM 1993 di kampus induk ITM. Beliau berkata piagam pelanggan mestilah mudah difahami oleh orang ramai dengan menerangkan apa yang boleh mereka perolehi, apa yang perlu dilakukan, bila dan bagaimana melakukannya.

Piagam Pelanggan

ITM
Akur akan hak empat kategori pelanggan dan beriltizam menyempurnakannya

| | |
|---|--|
| <p>1 PELAJAR adalah ahli keluarga besar ITM Berwawaskan Sumber Manusia Beriman, Berilmu dan Beramal, ITM Menjanjikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ilmu yang direstui, • Peluang Pembangunan Sahaja, • Perwakilan (diri atau pendapat), dan • Layanan penuh Tanggungjawab, <p style="text-align: right;">Kepada Pelajar-pelajarnya</p> | <p>3 IBUBAPA adalah ahli kerabat ITM Sebagai Penyambung Harapan Ibu Bapa, ITM Menjanjikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Layanan Ikhlas, Mesra, Segera dan Tepat, dan • Keterlhatian Buat Anak-anak, <p style="text-align: right;">Kepada Ibu Bapa</p> |
| <p>2 STAF adalah ahli keluarga besar ITM Berwawaskan Manusia Pekerja Beramalan, Cekap dan Berkesan, ITM Menjanjikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kerjaya dan Gajaran Berpadanan, • Peluang Pengembangan Ilmu dan Kerjaya, • Kemudahan dan Suasana Kerja yang Praktis, • Perwakilan (diri atau pendapat), dan • Layanan Penuh tanggungjawab, <p style="text-align: right;">Kepada Stafnya</p> | <p>4 INDUSTRI adalah ahli kerabat ITM Sebagai Rakan Menjalin Rangkaian Industri-Akademik, ITM Menjanjikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Layanan Ikhlas, Mesra, Segera dan Tepat, • Penawaran Berterusan Tenaga Manusia Berakhlak dan Berketerampilan dan • Penawaran Khidmat Kepakaran Berkualiti, <p style="text-align: right;">Kepada Industri</p> |

انشاء الله

Dalam Dimensi Berkemunya, Kami Staf Adalah "Yang Berkhidmat" Manakala Pelajar, Ibu Bapa dan Industri adalah Pelanggan. Sebagai Pendokong dan Pengerak ITM Kami Staf Berpendirian Bahawa

"Pelanggan adalah tetamu terpenting di Institut kami,

Di tidak bergantung pada kami;
Kamilah yang bergantung padanya.

Di bukan gangguan pada kerja kami;
Dialah tujuannya.

Di bukan orang luar pada urusan kami;
Di adalah sebahagian darinya.

Kami bukan mambantunya dengan memberikan khidmat;
Dialah yang membantu kami dengan memberi kami peluang melakukannya".

Diterbitkan oleh Unit Perhubungan Awam ITM, 40150 SHAH ALAM. Dicetak oleh Penerbitan MALINDO Sdn. Bhd.

Sumber:

- Berita ITM tahun Januari 1994

Piagam Pelanggan ITM